

# PerBeKaL kunjungi UPMKB

**BINTULU:** Seramai 40 ahli Persatuan Belia Kampung Lambak (PerBeKaL) dari negara Brunei Darussalam mengadakan lawatan muhibah ke Bintulu pada 1 hingga 3 September lalu yang diketuai Presiden PerBeKaL, Pengiran Nordin Pengiran Mahmud.

Menurut Kederi Yusof yang mewakili belia Bintulu, tujuan lawatan itu adalah untuk menimba ilmu bersama golongan belia di Bintulu di samping merapatkan silaturahmi bersama para persatuan belia, para usahawan belia dan pemimpin masyarakat setempat.

Tambahnya, antara tempat dilawati PerBeKaL sepanjang program tiga hari dua malam itu adalah Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB).

"Di universiti itu, rombongan tersebut disambut mesra oleh Pengetua Kolej merangkap Ketua Hal Ehwal Pelajar UPMKB, Dr. Kamil Latif serta Penolong Pendaftar Kanan Kolej Sri Rajang UPMKB Rosidah Basir," katanya sebagai pengiring lawatan rombongan tersebut.

Di UPMKB, rombongan dibawa melawat perpustakaan, makmal dan ladang rusa dalam kampus.

Pada sebelah malam, rombongan menghadiri jamuan makan malam bersama Pemanca Pengiran Merais Pengiran Ismail yang juga Pengerusi Persatuan Usahawan Kecil Bintulu (PUKB) di kediamannya di Jalan Tanjung Batu di sini.

"Rombongan turut melawat Pasar Borong di tapak lapangan terbang lama Bintulu serta melawat rumah usahawan wanita Bintulu, Razuna Kiprawi yang terkenal dengan pembuatan belacan di bawah Syarikat Monanie Family Enterprise.

"Lokasi lain yang dilawati adalah Dewan Suarah Bintulu serta sesi suai kenal dengan kakitangan Pejabat Kementerian Belia Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (Mysed) Bahagian Bintulu dan Pegawai Penguasanya Upin Mering," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Difahamkan, rombongan PerBeKaL

turut menyertai acara senamrobik dan sukaneka bersama Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) dan Kelab PEMADAM UPMKB serta ahli Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS) Bintulu, Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan Bintulu serta beberapa ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain.

PerBeKaL juga dijemput oleh Kelab Memanah Assyakirin untuk sesi memanah di Masjid Assyakirin Bintulu yang diurus oleh Pengerusi Kelab Memanah Tradisional Moden Assyakirin (ATMA) Bintulu, Bujang Ham.

Lawatan terakhir rombongan adalah ke Koperasi Persatuan Ibu Tunggal di Kampung Assyakirin Bintulu serta menjamu selera di rumah Timbalan Pengerusi Ibu Tunggal Bintulu, Aishah Peri.

Beberapa agensi lain yang turut menjayakan lawatan tersebut adalah Pejabat Penerangan Daerah Bintulu, Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), UPMKB serta Pejabat Residen Bintulu dan beberapa NGO.



**KENANGAN...** Rombongan PerBeKaL ketika mengadakan melawat ke UPMKB sebagai salah satu pengisian program lawatan muhibah itu.